



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH


PUSAT ISLAM
المركز الإسلامي
ISLAMIC CENTER

Transformasi Ke Arah
UNIVERSITI 4.0
INDUSTRI



PENASIHAT : Prof. Madya Dr. Muhamad Suhaimi Taat **EDITOR** : Noorisah Taljid & Kartini Ismail
SIDANG PENGARANG :Noor Fazelah Salimin **HEBAHAN & PUBLISITI** : Malik Hanafi Achmad Rofi'ie

*" Dan dari sebahagian malam bertahajjudlah kamu sebagai solat tambahan bagimu; Semoga Tuhanmu menempatkanmu di tempat yang terpuji"
(Surah Al-Isra' : Ayat 79)*



“TIPS PRAKTIKAL MEMBACA & MENGHAFAL AL-QURAN DENGAN MUDAH DAN BERKESAN”

HAFAL DULU, ULANG KAJI KEMUDIAN

- ◆ Salah satu ketakutan orang ramai ialah mereka cepat terlupa apa yang telah mereka hafal;
- ◆ Tips yang mudah adalah berikan komitmen selama satu sehingga dua tahun untuk menghafal al-Quran sahaja, tanpa perlu risau tentang ulang kaji (revision);
- ◆ Kemudian, luangkan lagi masa tiga tahun untuk membuat ulang kaji hafalan;
- ◆ Kaedah ini telah diuji di sebuah pusat penghafalan al-Quran di Jeddah, Arab Saudi dan hasilnya sangat menakjubkan;
- ◆ Ramai orang dewasa lebih kekal ingatan mereka bila melakukan teknik ulang kaji ini selama tiga tahun tersebut.

HAFAL AL-QURAN SETIAP HARI

- ◆ Adakan slot 30-45 minit pada waktu pagi selepas solat subuh untuk menghafal;
- ◆ Apabila kita telah menghafal, luangkan masa pada hari itu mengulang kembali ayat-ayat yang dihafal ketika kita sedang memandu atau ketika sedang solat;
- ◆ Kemudian, duduklah bersama guru atau pasangan kita, atau rakan, dan bacakan depan mereka ayat-ayat yang telah dihafal tadi.

BELAJAR TAJWID


- ◆ Kita hendaklah belajar hukum tajwid untuk membaca al-Quran dengan mahraj betul. Ini kerana, Keindahan alunan bacaan ayat suci al-Quran akan pudar tanpa disertai dengan hukum tajwid yang betul. Oleh itu, belajar dan amalkan hukum tajwid secara tepat;
- ◆ Paling baik adalah dengan belajar secara berguru kerana kita akan lebih mudah faham berbanding belajar secara sendirian .

**DISEDIAKAN OLEH
USTAZAH NOOR FAZELAH SALIMIN
PENOLONG PEGAWAI HAL EHWAL ISLAM**



DOA SEBELUM DAN SELEPAS MEMBACA AL-QURAN


Sebelum mula membaca al-Quran, elok amalkan membaca doa;



اللَّهُمَّ افْتَحْ عَلَيْنَا حِكْمَتَكَ وَأَنْشُرْ عَلَيْنَا مِنْ خَزَائِنِ رَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

Ertinya: “Ya Allah, bukakanlah ke atas kami hikmah-Mu dan limpahilah ke atas kami khazanah rahmat-Mu, wahai yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang”

Kemudian membaca doa ini;



رَبِّ اشْرَحْ لِي صَدْرِي وَيَسِّرْ لِي أَمْرِي
وَاحْلُلْ عُقْدَةً مِنْ لِسَانِي يَفْقَهُ قَوْلِي

Ertinya: “Ya Tuhan, lapangkanlah dadaku, mudahkanlah segala urusanku, dan lepaskanlah kekakuan lidahku, agar mereka mengerti perkataanku “

Setelah selesai membaca al-Quran pula, elok amalkan membaca doa ini ;

“Ya Allah rahmatilah kami dengan al Quran. Jadikan ia imam kami, cahaya, petunjuk dan rahmat bagi kami. Ya Allah ingatkanlah kami apa yang kami lupa dan ajarkan bagi kami apa yang kami jahil. Kurniakanlah kepada kami untuk dapat membacanya sepanjang malam Ya Allah dan sepanjang siang. Jadikanlah ia perisai kami. Wahai Tuhan sekalian alam.”

SELAMAT MENDUDUKI PEPERIKSAAN UPKK TAHUN 2018



CALON UPKK KAFA PUSAT ISLAM UMS
TARIKH : 01 OKTOBER 2018 — 04 OKTOBER 2018

AKTIVITI PIUMS MINGGU INI

BIL	PROGRAM	TARIKH	TEMPAT
01	Taklimat Dan Latihan Penggunaan Sistem E-Meeting	1hb Oktober 2018	Pejabat PIUMS
02	Kelas Mengaji Helwa	3hb Oktober 2018	Bilik Mesyuarat PIUMS
03	Mesyuarat Khatan Perdana Bil.1/2018	4hb Oktober 2018	Bilik Mesyuarat PIUMS
04	Mesyuarat Penyelarasan Jawatankuasa Maulidurrasul Bil.2/2018	4hb Oktober 2018	Bilik Mesyuarat PIUMS
05	Halaqah Al-Quran PIUMS Bil.15/2018	5hb Oktober 2018	Bilik Mesyuarat PIUMS

*Dan (ingatlah) ketika Tuhan kamu memberitahu;
“Demi sesungguhnya! jika kamu bersyukur nescaya aku akan
tambahkan nikmatKu kepada kamu dan demi sesungguhnya
jika kamu kufur ingkar sesungguhnya azabku amatlah keras”.*
(Surah Ibrahim : Ayat 7)